

♥17/06/16-12MST

CNS9543

U GB 17-06 00164 BA950

BAH

Mahathir - Arqam

ARQAM ANCAMAN KESELAMATAN NRGARA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama)-- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Al-Arqam kini sudah mencapai tahap yang boleh mengancam keselamatan negara tetapi sebarang tindakan reformasi terhadap pergerakan itu perlu dilaksanakan secara berhati-hati agar tidak disalahertikan rakyat.

Perdana Menteri berkata, rakyat mungkin akan membuat kesimpulan bahawa kerajaan cuba menindas sebuah pergerakan Islam sekiranya tindakan diambil kerana mereka tidak menyedari bahawa ajaran Al-Arqam sebenarnya telah jauh menyeleweng.

Ketika menqulas pendedahan Pusat Islam bahawa pergerakan itu kini melatih pasukan bersenjata sendiri, Dr Mahathir mengaku bahawa kerajaan perlu diambil bagi membendung pengaruh pergerakan itu yang settakin meluas.

"Kita perlu bertindak secara berkesan dan untuk menjadi berkesan, kita perlu sokongan rakyat," katanya kepada pemberita selepas titel ancar Festival Tamadun Islam Sedunia 94, di sini.

Bagi tujuan itu, katanya, perkara terpenting yang perlu dilakukan ialah menyedarkan rakyat bahawa pergerakan Al-Arqam itu menyeleweng daripada tuntutan Islam sebenar. -- laqi.

♥17/06/16-04MST

CNS9585

U GB 17-06 00117 BH721

bah

Mahathir - Arqam 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata pendirian para anggota pergerakan itu yang mengangqap Syeikhul Arqam Ustaz Ashaari Muhammad seolah-olah seorang nabi jelas menunjukkan ia menyeleweng.

Pendedahan Pusat Islam mengenai anqkatan Tentera Radar Al Arqam dinafikan oleh pergerakan itu, yang kemudiannya meminta satu majlis dialog dengan pusat berkenaan bagi menyelesaikan kekeliruan.

Perdana Menteri mempertahankan pendedahan Pusat Islam itu satsbi l berkata majlis dialog tidak akan membawa sebarang hasil.

"Perkara ini akan dapat di sel esai kan hanyadengan tertdadahkan aktiviti mereka," katanya.

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri berkata sebarang pergerakan yang berasaskan ketaksuban dan pemujaan peribadi boleh mert jadi ancaman kepada keselamatan sesebuah negara. -- laqi

♥17/06/16-51MST

CNS9587

U GB 17-06 00089 BH722

bah

Mahathir - Arqam 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Perkara ini dapat dilihat pada penqalaman banyak negara lain, katanya. Semasa kecil, ia setnemanqnya tidak bahaya, tetapi apabila ia menjadi besar dan para pemi mpi nnya semakin berpenqaruh, pasti mereka mempunyai ni al untuk memimpin negara, katanya.

Menurut Dr Mahathir aliran itu sudah dapat di kesan dal am pergerakan Al Arqam.

"Sekarang ini Arqam ada menyatakan keinginan untuk menjadi pemimpin negara. Entah cara apa, k-i ta tak tahu," kata Perdana Menteri. -- Bernama

AZG RON